



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA ANGKASA MALAYSIA BAGI MENGAWAL SELIA AKTIVITI ANGKASA NEGARA DILULUSKAN

KUALA LUMPUR, 28 Oktober 2021 – Sidang Dewan Rakyat Parlimen Keempat Belas telah meluluskan Rang Undang-Undang (RUU) Lembaga Angkasa Malaysia yang dibentangkan oleh YB Datuk Haji Ahmad Amzad bin Hashim, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

Pewujudan RUU ini memastikan aktiviti angkasa negara dilaksanakan secara bertanggungjawab, selamat dan terjamin serta mematuhi segala peraturan dan standard yang dipersetujui di peringkat antarabangsa terutamanya oleh *United Nations Office for Outer Space Affairs* (UNOOSA). Pada masa yang sama, Kerajaan Malaysia dapat meratifikasi triti-triti angkasa dan melaksanakan obligasi di bawah kerangka undang-undang antarabangsa yang memangkinkan peranan negara dalam penyelidikan, pembangunan dan industri angkasa ke arah *New Space Economy*.

RUU ini selaras dengan Teras 1 Dasar Angkasa Negara 2030 yang sedang dilaksanakan oleh MOSTI melalui Agensi Angkasa Malaysia

(MYSIA). Tujuan utama RUU ini adalah untuk memastikan penyelarasan aktiviti khususnya berkaitan penerokaan dan penggunaan angkasa secara aman untuk faedah dan kepentingan manusia. Aspek keselamatan yang merangkumi keterjaminan atau '*spaceworthiness*' terhadap keupayaan objek angkasa dari segi reka bentuk, aktiviti pelancaran dan keupayaan beroperasi dengan selamat di angkasa merupakan tumpuan pelaksanaan RUU ini.

Prinsip untuk melindungi Kerajaan daripada liabiliti kerosakan yang disebabkan oleh aktiviti angkasa juga akan diutamakan. Perlindungan ini dilaksanakan melalui pemindahan liabiliti dan tanggungjawab kepada pemilik sebenar objek angkasa, yang perlu mematuhi syarat dan standard yang ditetapkan sama ada di bawah RUU ini atau mana-mana akta sedia ada negara seperti Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [*Akta 588*] dan Akta Perdagangan Strategik 2010 [*Akta 708*].

Berdasarkan pangkalan data pendaftaran objek angkasa di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, sehingga kini Malaysia telah melancarkan sembilan (9) buah satelit di orbit. Satelit-satelit tersebut adalah satelit komunikasi yang dilancarkan oleh MEASAT Global Berhad, iaitu MEASAT-1 dan MEASAT-2 pada 1996, MEASAT-3 pada 2006, MEASAT-3A pada 2009 dan MEASAT-3B pada 2014; satelit remote sensing iaitu TiungSAT-1 pada 2000 dan RazakSAT® pada 2009; dan dua (2) buah satelit bersaiz nano yang dilancarkan oleh Astronautic Technology (M) Sdn. Bhd. (ATSB) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) pada 2018.

RUU ini dapat memperkasakan industri hulu (*upstream*) secara holistik untuk memastikan kesinambungan pembekalan data satelit dan

maklumat yang berkaitan. Usaha ini juga penting untuk menjadikan negara tidak hanya berperanan sebagai pengguna teknologi tetapi juga memainkan peranan selaku pembangun teknologi dalam sektor angkasa.

Pelbagai program dan inisiatif telah dirangka dan sedang dilaksanakan oleh Kerajaan untuk membangunkan sektor angkasa negara secara lebih terancang dan sistematik. Salah satu inisiatif utama adalah *Malaysia Space Exploration 2030* bagi melaksanakan Dasar Angkasa Negara 2030 yang merangkumi pembangunan keseluruhan rangkaian ekosistem sektor angkasa di negara ini. Antara program yang dirancang dan sedang dilaksanakan di bawah inisiatif ini termasuklah Program Pembangunan Satelit Negara.

MOSTI komited dalam mewujudkan perundangan ini bagi memelihara kepentingan Kerajaan, menggalakkan penyelidikan dan pembangunan serta menggiatkan pertumbuhan industri dan pelaburan berkaitan teknologi angkasa dalam memperkasakan agenda Sains, Teknologi dan Inovasi negara.

- TAMAT -

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI)